



PEMAKLUMAN BERKENAAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PAKAR BAGI PENGAMAL YANG TELAH DILANTIK SEBAGAI PEGAWAI PERUBATAN PAKAR OLEH KETUA PENGARAH KESIHATAN DAN MEMILIKI KELAYAKAN KEPAKARAN YANG DIKTIRAF OLEH MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

Selaras dengan penguatkuasaan Akta Perubatan (Pindaan) 2024 pada 1 Julai 2025, Seksyen 11(6) memperuntukkan seperti berikut:

“Mana-mana orang yang, pada atau selepas 1 Julai 2017 dan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini—

(a) telah menyempurnakan—

(i) suatu latihan dalam suatu kepakaran yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan;

(ii) suatu latihan dalam suatu kepakaran yang disediakan oleh suatu institusi pendidikan tinggi tempatan yang latihannya dijalankan di kemudahan Kementerian Kesihatan; atau

(iii) suatu latihan dalam suatu kepakaran di mana-mana institusi yang lain di luar Malaysia;

(b) memegang kelulusan yang diiktiraf oleh Majlis; dan

(c) telah didaftarkan sebagai seorang Pakar di bawah Akta ibu; atau

(d) telah dilantik sebagai seorang pakar oleh Ketua Pengarah,

hendaklah disifatkan didaftarkan sebagai seorang Pakar di bawah Akta ini.”

Sehubungan itu, Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dalam mesyuarat kali ke-458, bertarikh 23 September 2025, telah memutuskan bahawa bagi pengamal yang:

i. memiliki kelayakan pascasiswazah yang diiktiraf oleh MPM; dan

ii. telah dilantik sebagai pakar oleh Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) bermula **1 Julai 2017 sehingga 30 Jun 2025,**

boleh mengemukakan permohonan pendaftaran pakar secara rasmi kepada MPM beserta bayaran fi yang telah ditetapkan untuk namanya dimasukkan ke dalam Daftar Pakar.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada Sekretariat MPM di talian 03-4050 1040 atau melalui emel ecsmq@mmc.gov.my.

Sekian, terima kasih.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

24 September 2025